



UCAPAN PERASMIAN

**YB DR. XAVIER JAYAKUMAR
MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**

**SEMPENA MAJLIS PENGANUGERAHAN
SIJIL PERHUTANAN INSTITUT LATIHAN PERHUTANAN
(FORTRAIN) KE-32 TAHUN 2019**

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

16 MEI 2019 (KHAMIS)

Terima kasih saudara dan saudari pengacara majlis

**YBHG. DATUK BORHANUDIN BIN HJ. ARSHAD,
Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia;**

**YBRS. ENCIK HAMDEN BIN MOHAMMAD,
Pengarah Jabatan Hutan Sarawak;**

YBhg. Ketua-ketua Jabatan/ Wakil dan Agensi di Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli;

YBhg. Dato' Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri dan Pengarah-Pengarah Bahagian, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM);

Para graduan Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan Sesi 2018-2019;

YBhg. Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan para hadirin sekalian serta pihak media.

Salam Sejahtera dan Selamat Pagi.

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Datuk Borhanudin bin Hj. Arshad, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia kerana sudi menjemput serta memberi penghormatan kepada saya untuk menyampaikan ucapan dan seterusnya menyampaikan sijil kepada graduan-graduan kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan sesi 2018-2019, Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.
2. Saya difahamkan bahawa para graduan ini adalah kumpulan ke-32 yang telah berjaya menamatkan Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan. Dengan 78 orang graduan yang menerima sijil pagi ini, Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN) telah berjaya melahirkan seramai 5,764 orang graduan semenjak tahun penubuhannya. Syabas saya ucapkan kepada FORTRAIN, Bahagian Latihan Perhutanan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) kerana terus memainkan

peranan dalam melahirkan tenaga kerja dalam bidang perhutanan yang berpengetahuan dan berkemahiran.

3. Kepada para graduan saya mengucapkan syabas dan tahniah kerana telah berjaya menghadapi segala bentuk cabaran dan menempuh jerih payah di institusi ini untuk mencapai apa yang telah dicita-citakan. Para graduan semua wajar berbangga atas kejayaan ini dan sesungguhnya telah membuktikan kepada diri sendiri, keluarga dan juga masyarakat bahawa kejayaan pasti boleh dicapai dengan usaha yang bersungguh-sungguh.

YBhg. Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan para hadirin sekalian.

4. Saya percaya, dalam tempoh pengajian, para graduan semua telah mendapat asuhan, bimbingan dan didikan yang cukup untuk merubah perspektif dan pradigma demi menghadapi cabaran hidup di masa akan datang. Dengan perubahan sedemikian, para graduan semua tentu dapat meningkatkan keyakinan diri untuk menghadapi apa saja kerjaya yang akan anda ceburi. Saya berharap semoga para graduan semua maju jaya dalam kerjaya yang akan anda ceburi.

5. Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) melalui JPSM khususnya akan terus melaksanakan program latihan untuk melahirkan para graduan yang kompeten dalam pelbagai bidang perhutanan. **Ini bukan sahaja penting bagi memenuhi permintaan tenaga mahir, tetapi juga bagi melahirkan modal insan yang bakal menjaga khazanah hutan negara.**
6. Sebagai pewaris khazanah negara yang tidak ternilai ini, pandangan profesional anda berkaitan bidang perhutanan adalah amat penting dalam memastikan pembangunan ekonomi berjalan seiring dengan tanggungjawab melindungi alam sekitar termasuk hutan kita!
7. Hutan merupakan habitat kepada pelbagai spesies flora dan fauna termasuk Harimau Malaya yang menjadi simbol kebanggaan negara. Dek kerana pelbagai faktor, Harimau Malaya diancam kepupusan dan kini hanya tinggal 200 ekor sahaja. KATS telah melancarkan kempen Selamatkan Harimau Malaya pada Mac lalu bertujuan untuk melindungi haiwan ini. Oleh itu, saya menyeru marilah kita bersama-sama berganding bahu membantu dalam menjayakan Kempen “Selamatkan Harimau Malaya” demi kelangsungan spesies ini.

Hadirian sekalian,

8. Saya juga mengambil kesempatan di sini meminta kepada semua pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat serta graduan yang akan berkhidmat dengan kerajaan kelak supaya sentiasa berusaha meningkatkan mutu perkhidmatan di organisasi masing-masing. **Penjawat awam perlu sentiasa berfikiran positif, prihatin dan bijaksana dalam berurusan dengan pelanggan. Ia juga hendaklah diberikan dengan penuh integriti dan jujur.** Integriti merupakan tonggak utama bagi memastikan tanggungjawab dapat dilaksanakan dengan lancar tanpa halangan daripada unsur-unsur birokrasi. Masyarakat sentiasa menuntut penjawat awam yang jujur dan berintergriti semasa mereka berurusan atau apabila diberi tanggungjawab menjaga khazanah atau harta benda kerajaan.

9. Di majlis yang penuh bermakna ini, saya ingin menyeru kepada setiap graduan yang telah berjaya mengikuti kursus di sini agar tidak mensia-siakan ilmu pengetahuan yang telah dipelajari, kebolehan dan bakat yang telah diasuh dan dibina. Ilmu pengetahuan, pengalaman dan kemahiran yang ada hendaklah diamalkan dengan rasa penuh tanggungjawab, berdisiplin dan berdedikasi. Tanamkan sikap ingin terus maju. Graduan sekalian adalah merupakan tonggak barisan hadapan yang diamanahkan bagi memelihara dan menjaga hutan negara yang amat tinggi nilainya. Tanamkan semangat ketekunan dan

terus berusaha untuk mencapai kejayaan dalam kerjaya masing-masing.

10. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada semua pelatih yang telah berjaya menamatkan kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan sesi 2018-2019. Anggaplah kejayaan yang graduan sekalian kecapi pada pagi ini sebagai landasan bagi kejayaan-kejayaan seterusnya pada masa hadapan. Pamerkanlah keterampilan diri yang menarik dan ketelusan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab.

11. Akhir kata, pelihara dan hargailah sumber hutan negara sebagai khazanah alam yang bukan sahaja untuk faedah kita masa kini tetapi juga untuk kepentingan generasi akan datang.

Sekian, terima kasih.